

Headline	FGV, FRIM pulihara Rafflesia		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	10	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	530 cm ²
Journalist	MOHD. AZRAIE MD. YUSOF	AdValue	RM 10,475
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,425



FGV, FRIM pulihara Rafflesia

Oleh MOHD. AZRAIE MD. YUSOF

FELDA Global Ventures Holdings Bhd. (FGV) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) baru-baru ini meneruskan usahasama untuk memulihara bunga Rafflesia dengan membina Pusat Pemuliharaan dan Interpretif Rafflesia (PPIR) di Grik, Perak.

Pembinaan PPIR sebagai pusat penyelidikan dan pemuliharaan

spesis bunga terbesar dunia itu dilakukan di tanah seluas 223 hektar yang disumbangkan oleh Felda dan dijangka siap pada 2018.

Majlis pecah tanah disempurnakan oleh Pengarah Besar FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod bersama Ketua Bahagian Pemetaan Udara, Ukur dan Pengurusan Data Tanah Felda, Dr. Mohamad Khairil Mohamad Razi.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Datuk Zakaria Arshad memberitahu,

strategi kemampunan FGV kini memberi tumpuan kepada pelaksanaan amalan terbaik secara holistik dan mematuhi semua peraturan berkenaan kelestarian.

"Hari ini merupakan hari yang bersejarah buat FGV. Kami benar-benar berbesar hati kerana terlibat di dalam usaha pemuliharaan ini.

"Kami percaya dengan membabitkan orang ramai menerusi pendidikan dan kesedaran mengenai alam sekitar, ia akan membantu mereka

memahami bunga yang unik ini," katanya.

Ini merupakan projek kerjasama pertama antara sektor swasta dan agensi kerajaan di Semenanjung membabitkan penyelidikan dan pemuliharaan Rafflesia.

Inisiatif untuk menubuhkan PPIR bermula pada 2013 berikutan penemuan populasi Rafflesia di sekitar kawasan Sungai Lebey di Felda Bersia, Gerik, Perak.

Sementara itu, Pengarah Besar Felda, Datuk Hanapi Suhada



KETUA Jabatan Alam Sekitar dan Kelestarian Kumpulan FGV, Raja Datuk Zamilia Raja Mansur (dua dari kiri), Pengarah Besar FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod (tengah) dan Ketua Bahagian Pemetaan Udara, Ukur dan Pengurusan Data Tanah Felda, Dr. Mohamad Khairil Mohamad Razi (dua dari kanan) menyempurnakan upacara pecah tanah untuk membina Pusat Pemuliharaan dan Interpretif Rafflesia (PPIR).